



KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN BALAS TERHADAP ARTIKEL “NELAYAN DARAT MOHON ELAUN SARA HIDUP DIKEMBALIKAN” TERBITAN UTUSAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 4 Mac 2023 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil perhatian dan memandang serius ke atas artikel yang bertajuk “Nelayan darat mohon elaun sara hidup dikembalikan” terbitan akhbar **Utusan Malaysia** pada **1 Mac 2023**.

Elaun sara hidup nelayan darat (ESHND) merupakan elaun yang diberi kepada **nelayan darat tulen yang layak sahaja**. Definisi nelayan darat tulen adalah seperti berikut; warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun yang terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan di perairan sungai (termasuk tasik, bekas lombong, empangan dan lain-lain perairan umum); dan menjalankan aktiviti penangkapan ikan tidak kurang daripada 25 hari setiap bulan; dan **sekurang-kurangnya 75 peratus jumlah pendapatan adalah daripada penangkapan ikan**; dan tiada pekerjaan yang memberikan pendapatan tetap; dan bebas dari aktiviti penagihan dadah dan menjalani saringan air kencing dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK); dan tidak mempunyai caruman dan akaun KWSP yang aktif; dan mempunyai lesen perkakas atau vesel menangkap ikan atau berdaftar secara pentadbiran dengan Jabatan Perikanan Malaysia bagi Semenanjung Malaysia, Jabatan Pertanian bagi Sarawak dan Jabatan Perikanan Sabah bagi Sabah. **Kadar elaun yang disalurkan adalah sebanyak RM250 setiap bulan.**

Justeru itu, mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah dikira gagal dikategorikan sebagai nelayan darat tulen dan dilucuthak sebagai penerima ESHND.

Merujuk kepada artikel terbitan Utusan Malaysia itu, Jabatan Perikanan Malaysia ingin menjelaskan bahawa penama yang disebut di dalam artikel tersebut tidak tersenarai

sebagai nelayan darat. Melalui semakan di dalam rekod, jabatan mendapati **En. Muhammad Khalil bin Abdul Wahab merupakan pemegang lesen nelayan darat sambilan.**

Melalui penulisan artikel di akhbar Utusan Malaysia ini, Jabatan Perikanan amat berharap agar mana-mana pihak atau individu yang mempunyai sebarang keraguan, dapat hadir ke Pejabat Perikanan yang berdekatan bagi membuat semakan. Jabatan Perikanan Malaysia tidak akan mengetepikan hak kumpulan sasar yang memenuhi syarat seperti dinyatakan.

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
Mohd Nizam, KUKK 017-794 7799
ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my